Bahasa Dari

Bahasa Dari (Bahasa Dari: دری /dæˈɾiː/) atau Parsi Dari (فارسی دری *Fārsī-ye Darī*) merupakan sebuah cabang bahasa Parsi yang ditutur di Afghanistan.[1]

Dari ialah nama yang diberi kepada Bahasa Parsi Baru sejak kurun ke-10 dan digunakan secara meluas dalam teks Arab dan Parsi. Dari berasal dari Parsi Tengah yang ditutur pada pemerintahan Empayar Sasan. Dari digunakan pemuisi sejak beberapa kurun dahulu: Rudaki pada kurun-9 hingga Parvin Etesami pada kurun ke-19. Dari merupakan salah 1 daripada 2 bahasa rasmi di Afghanistan, dan yang satu lagi ialah Bahasa Pashto. Dari menyumbang kebanyakan pinjaman Parsi ke bahasa Asia lain seperti Bahasa Urdu, Hindi, Punjabi, Bengali dan lain-lain kerana Dari ialah bahasa pentadbiran, rasmi dan kebudayaan Empayar Mughal Parsi dan berperanan sebagai lingua franca di seluruh subbenua Asia Selatan selama beberapa kurun. Terdapat perbezaan fonologi, kosa kata dan morfologi antara Parsi Afghanistan dan Parsi Iran. Kerajaan-kerajaan Afghanistan sejak berkurun-kurun telah mempromosikan Parsi Baru sebagai bahasa rasmi kerajaan sejak Pemerintahan Kesultanan Delhi walaupun kerajaan itu kebanyakannya terdiri daripada kaum Pashtun.

Dari

Parsi Dari, Parsi Afghan

دری

دری

Dari dengan tulisan Arab-Parsi

Sebutan	*akan ditambah*
Asli di	Afghanistan
Penutur asli	12.5 million (2000–2011) rasmi, bahasa yang digunakan oleh 50% daripada penduduk Afghanistan.
Keluarga bahasa	Indo-Eropah ▪ Indo-Iran ▪ **Dari**
Sistem penulisan	Huruf Parsi

Status rasmi

Bahasa rasmi di	Afghanistan

Kod bahasa

Halaman ini mengandungi lambang fonetik IPA dalam bahasa Unikod. Tanpa sokongan paparan, anda mungkin melihat tanda tanya, kotak atau lambang lain dan tidak aksara Unikod

Rujukan

1. Afghanistan Digital Library (http://afghanistandl.nyu.edu/search/?q=Farsi&sort=title.sort&start=0)

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Dari&oldid=4658237"

Laman ini kali terakhir disunting pada 11:14, 21 Oktober 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.